

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB PUAN HAJAH NATRAH BINTI ISMAIL
[SEKIJANG]**

TARIKH : 4 OGOS 2020 (SELASA)

SOALAN

YB PUAN HAJAH NATRAH BINTI ISMAIL [SEKIJANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah golongan pelarian dan pemohon suaka atau pelarian yang berdaftar dengan UNCHR dalam tahanan imigresen.

JAWAPAN

**YB DATUK SERI MOHD REDZUAN BIN MD. YUSOF,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang Dipertua,

1. Kerajaan melalui Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) tidak menahan mana-mana pemohon suaka atau pelarian yang telah berdaftar dan mempunyai dokumen rasmi yang dikeluarkan oleh pihak United Nations High Commissioner for Refugees (UNHCR) Kuala Lumpur. Kerajaan hanya menahan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang tidak mempunyai apa-apa dokumen rasmi yang diiktiraf oleh Kerajaan.

Sekian, terima kasih.